



Jabatan Agama Islam Negeri Johor,
Bahagian Pengurusan Halal,
Aras 1, Blok A,
Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar,
Karung Berkunci 725,
80990 Johor Bahru
Tel : 07-228 2943

Gambar Pemohon

BORANG PERMOHONAN TAULIAH PENYEMBELIH (IBADAH KORBAN & AKIKAH) NEGERI JOHOR			
BUTIRAN PEMOHON			
Nama		Pendidikan Tertinggi	
No Kad Pengenalan		Pengalaman Menyembelih	(Tahun/Bulan)
Bangsa		Telefon	
Alamat Tetap			
Kursus Penyembelihan Yang Pernah Dihadiri	Nama Kursus	Tarikh	penganjur
BUTIRAN			
Nama Masjid / Surau		Telefon	
Nama & Jawatan Pegawai Yang Boleh Dihubungi		Faks	
Alamat		Email	
BUTIRAN TEMPAT SEMBELIHAN			
Nama		Telefon	
Alamat		Faks	
		Email	
PERAKUAN PEMOHON			
Saya mengakui bahawa semua pernyataan di atas adalah benar. Sekiranya didapati terdapat mana-mana pernyataan di atas adalah tidak benar, saya membenarkan sebarang tindakan diambil ke atas saya.			
Tarikh		Tandatangan	
PERAKUAN DAN SOKONGAN MASJID / SURAU			
Nama Majikan / Surau		Tarikh	
Tandatangan		Cop Rasmi Masjid/Surau	
KEGUNAAN PEJABAT			
Status Permohonan		Diterima	Ditolak
No. Rujukan / Siri			



**GARIS PANDUAN
PENGELUARAN TAULIAH PENYEMBELIH KORBAN DAN AKIKAH
JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR**

1. TUJUAN

Garis Panduan Tauliah Penyembelih Tahun 2023 ini bertujuan memberi penjelasan mengenai **Prosedur Permohonan Tauliah Penyembelih Korban Dan Akikah Jabatan Agama Islam Negeri Johor**.

2. KATEGORI PERMOHONAN YANG LAYAK MOHON TAULIAH PENYEMBELIH

- a. Masjid dan Surau diseluruh Negeri Johor.
- b. Rumah Sembelihan haiwan ternakan milik orang Islam di Negeri Johor.

3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Pemohon yang layak memohon Tauliah Penyembelih mestilah memenuhi syarat-syarat berikut :-

- a. Beragama Islam
- b. Sihat akal dan tubuh badan
- c. Warganegara Malaysia atau Pemastautin Tetap Malaysia
- d. Menghadiri kursus yang ditetapkan;
(Kursus Penyembelihan Ibadah Korban Dan Aqiqah Negeri Johor.

5. PROSES PERMOHONAN

5.1 PERMOHONAN

- a. Hendaklah mengisi borang permohonan yang mengandungi maklumat seperti berikut :-
 - i. Maklumat pemohon;
 - ii. Maklumat masjid / surau / premis;
 - iii. Maklumat premis penyembelihan;
 - iv. Perakuan pemohon; oleh masjid dan surau
 - v. Perakuan dan sokongan masjid dan surau

b. Menyertakan dokumen sokongan seperti berikut :-

- i. Salinan kad pengenalan;
- ii. Tiga (3) gambar berukuran passport;
- iii. Sijil kursus yang ditetapkan;
- iv. Surat lantikan kerja daripada pihak masjid dan surau;
- v. Pelan lokasi premis sembelihan;

b. Borang permohonan hendaklah dihantar kembali ke alamat Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

5.2 KADAR YURAN PERMOHONAN, BAYARAN TAULIAH PENYEMBELIH DAN PEMBAHARUAN TAULIAH

- a. Bayaran permohonan adalah ditetapkan sebanyak RM20.00 (Ringgit Malaysia: Dua puluh ringgit sahaja) 2 tahun. Tempoh sah setiap permohonan adalah selama 2 tahun;
- b. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk wang tunai, bank draf, cek atau wang pos atas nama PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR.
- c. Bayaran pembaharuan tauliah juga adalah sebanyak RM20.00 (Ringgit Malaysia: Dua puluh ringgit sahaja) setahun. Tempoh sah setiap pembaharuan juga adalah selama 2 tahun;
- d. Bayaran yang dibuat tidak akan dikembalikan.

5.3 KURSUS DAN UJIAN (PERMOHONAN BARU)

- a. Peserta hendaklah menghadiri dan mengikuti kursus yang ditetapkan dengan jayanya serta lulus menjalani ujian bertulis/lisan dan amali yang ditetapkan; dan
- b. Bagi peserta yang gagal boleh menduduki semula ujian bertulis/lisan dan amali yang ditetapkan tanpa bayaran tambahan (tidak melebihi dua [2] kali).

5.4 KELULUSAN

- a. Tauliah Penyembelih Korban dan Akikah akan dikeluarkan setelah diluluskan oleh pihak berkuasa agama Islam negeri berkenaan;
- b. Hanya pemohon yang mengikuti kursus dengan jaya dan lulus ujian yang ditetapkan layak dipertimbangkan; dan

- c. Pemohon yang diluluskan akan diberikan "**Tauliah Penyembelih**". ibadah Korban dan Akikah Negeri Johor.

5.5 TEMPOH SAH LAKU

- a. Tauliah Penyembelih adalah sah selama tempoh **DUA TAHUN [2 TAHUN]** selagi ianya tidak melanggar syarat pemegang Tauliah Penyembelih yang telah ditetapkan.
- b. Tempoh sah laku Tauliah Penyembelih yang dikeluarkan **akan tamat pada setiap 31 Disember** tahun berikutnya.

6. SYARAT-SYARAT PEMEGANG TAULIAH

6.1 SYARAT SEMASA BERTUGAS

- a. Penyembelih hendaklah menyembelih mengikut hukum Syarak pada setiap masa dan memenuhi Keperluan MS 1500:2009 *Halal Food-Production, Preparation, Handling and Storage-General Guidelines (Second Revision)*, MS 1500:2019 *Halal Food-General Requirements (Third Revision)*, *Animal Rules* 1962, Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993, *Ordinance Sabah Slaughterhouse Rules* 2004 (Sabah), Akta Makanan 1983 (Akta 281), Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 serta lain-lain perundangan dan peraturan terkini yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa berkaitan hendaklah dipatuhi.
- b. Penyembelih hendaklah memastikan binatang sembelihan dalam keadaan sihat dan masih ada *hayyat mustaqirrah* semasa sembelihan dilakukan;
- c. Binatang sembelihan dikendalikan dengan cara yang sewajarnya sebelum dan selepas sembelihan;
- d. Karkas hendaklah dikendalikan dengan cara yang bersih dan sesuai; dan

6.2 SYARAT PENGGUNAAN TAULIAH PENYEMBELIH

- a. Penyembelih hendaklah mempamerkan atau menunjukkan Sijil Tauliah penyembelih sekiranya diminta oleh pihak berkuasa;
- b. Pemegang tauliah penyembelih tidak boleh mengubahsuai, memindah milik, menyalahgunakan atau membenarkan pihak lain menyalahgunakan

tauliah tersebut; dan

- c. Sijil Tauliah Penyembelihan tidak sah untuk digunakan oleh orang lain bagi apa-apa tujuan selain penyembelihan ibadah Korban atau Aqiqah sahaja;

6.3 SYARAT TEMPAT BERTUGAS

- a. Tempat bertugas hendaklah sebagaimana pada Sijil Tauliah Penyembellih sahaja
- b. Perpindahan tempat bertugas yang melibatkan masjid / surau di dalam negeri yang sama hendaklah dimaklumkan kepada Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Negeri Johor

6.4 SYARAT TEMPAT SEMBELIHAN

a. Rumah Sembelihan persendirian:

Masjid dan Surau diseluruh Negeri Johor yang mempunyai tempat sembelihan yang bersesuaian sahaja.

b. Bagi premis di pasar:

- (i) Premis sembelihan yang didaftarkan di bawah Jabatan Veterinar Negeri Johor.
- (ii) Premis / tempat sembelihan yang bersesuaian sahaja.

6.5 SYARAT UMUM

- a. Penyembelih hendaklah memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa semasa pemeriksaan dibuat;
- b. Membuat laporan kepada Jabatan Agama Islam Negeri jika kehilangan Sijil Tauliah Penyembelih.
- c. Mematuhi etika penyembelih sebagai seorang Muslim.

7. ETIKA PENYEMBELIH

- a. Menunaikan kewajipan sebagai seorang Muslim;
- b. Menghindarkan diri daripada terjebak dengan sebarang gejala negatif;
- c. Penyembelih hendaklah memakai pakaian menutup aurat, sopan serta sesuai sepanjang tempoh menyembelih;
- d. Menjaga kebersihan diri dan kawasan penyembelihan; dan
- e. Segera memaklumkan kepada Jabatan Agama Islam Negeri Johor sekiranya berlaku sebarang pelanggaran dari aspek Syarak.

8. PEMBAHARUAN

- a. Penyembelih hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan Tauliah Penyembelih dalam tempoh tiga [3] bulan sebelum tamat tempoh sah laku;
- b. Permohonan hendaklah dibuat di Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Negeri Johor.
- c. Hendaklah menghadiri mana-mana kursus lanjutan yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

9. PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

- a. Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dan JAKIM boleh membuat pemantauan dan penguatkuasaan ke atas pemegang tauliah penyembelih pada bila-bila masa; dan
- b. Pemantauan atau penguatkuasaan juga boleh dibuat berdasarkan aduan.

10. PEMBATALAN / PENARIKAN BALIK TAULIAH PENYEMBELIH

- a. Pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor yang meluluskan berkuasa menggantung, membatalkan atau menarik balik Tauliah Penyembelih yang dikeluarkan jika terbukti pemegang tauliah telah melanggar Syarat-syarat Pemegang Tauliah Penyembelih sebagaimana ditetapkan pada Para 3 atau telah melanggar Etika Penyembelih sebagaimana ditetapkan pada Para 4.
- b. Keputusan Pihak Berkuasa Agama Islam adalah muktamad.

11. TARIKH KUATKUASA

- a. Garis Panduan Pengeluaran Tauliah Penyembelih Korban dan Akikah Jabatan Agama Islam Negeri Johor Tahun 2023 ini mula berkuatkuasa **pada 1 Januari 2024.**

12. PERTANYAAN

Maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan:

Bahagian Pengurusan Halal
Jabatan Agama Islam Negeri Johor
Aras 1, Blok A, Pusat Islam Iskandar Johor
No. Telefon: 07-2076360
Emel: pengurusanhalaljohor@gmail.com atau
pemantauanhalaljohor@gmail.com

Disediakan oleh:

Bahagian Pengurusan Halal
Jabatan Agama Islam Negeri Johor